

# Jangan biarkan khayalan kuasai PKR

MM: 8/7/2007

PELIK, keliru rakyat dibuatnya. Itulah kesimpulan yang boleh dibuat apabila penasihat Parti Keadilan Rakyat (PKR), Anwar Ibrahim mempertahankan 'kesalahan yang diakui' oleh Tian Chua. Ketua Penerangan PKR itu mengakui menyiarkan gambar palsu Timbalan Perdana Menteri, Najib Tun Razak bersama seorang wanita yang dikatakan model Mongolia, Altantuya Shaariibuu.

Kenyataan Anwar itu jelas memperlihatkan bahawa PKR merestui tindak tanduk pemimpinnya yang seolah-olah bebas berbuat apa sahaja kemungkaran untuk kepentingan politik. Apakah tindakan seperti itu mampu memberi keadilan kepada orang lain seperti yang diperjuangkan selama ini? Atau keadilan sekadar main bibir pemimpin?

Tian Chua mengaku bertanggungjawab terhadap penyiaran gambar berkenaan yang merupakan satu 'khayalan dan hasil seni semata-mata'. Tetapi beliau enggan meminta maaf dan menarik balik gambar hasil ciptaannya itu sehingga menimbulkan rasa kurang senang di kalangan penyokong kerajaan termasuk UMNO.

PKR sepatutnya tidak membenarkan khayalan menguasai pemimpin-pemimpinnya. Ya, mereka boleh menunjukkan kreativiti untuk berpolitik atau berkhayal dalam perjuangan politik. Mereka boleh berkhayal untuk menjadi Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri, menteri-menteri atau menjatuhkan kerajaan yang ada sekarang. Mereka boleh menyenaraikan Kabinet bayangan masing-masing setiap kali menjelang pilihan raya umum. Memang itu impian orang politik tetapi apabila berkhayal sehingga menjatuhkan maruah orang lain, apakah ini satu keadilan?

Nampaknya PKR sejak kongresnya di Seremban baru-baru ini semakin hilang arah. Parti itu dalam keadaan kalut semasa pemilihan pucuk pimpinan parti berlangsung. Dan dalam tempoh seminggu yang lalu, pelbagai cerita mengenai kepincangan PKR muncul. Ramai yang lari meninggalkan parti itu. Mungkinkah akan ada cawangan atau bahagian yang akan lumpuh?

Penarikan diri daripada parti bermula dengan K.S. Nallakaruppan yang meninggalkan PKR pada Mei lalu. Beliau berbuat demikian kerana tidak mendapat restu untuk bertanding naib presiden walaupun mendapat pencalonan kedua tertinggi untuk jawatan tersebut. Sebelum itu timbul desas-desus bekas ketua pemudanya, Ezam Mohd Noor ingin meninggalkan parti dan akhirnya ia menjadi satu kenyataan.

## Meninggalkan

Selepas Ezam, ramai lagi pemimpin dan ahli PKR meninggalkan parti itu termasuk di Merbok dan Sik, Kedah; Bukit Bendera, Pulau Pinang dan juga di Selangor. Khabarnya masih ada lagi yang mahu mengikut jejak Ezam dan Nallakaruppan.

Kenapa semuanya ini berlaku selepas Anwar dibebaskan daripada penjara?

Namun dalam keghairahan pemimpin-pemimpin Keadilan meninggalkan parti itu, ada juga yang masih menaruh harapan besar untuk menjatuhkan kerajaan pimpinan Barisan Nasional (BN).

Mereka tidak jemu mengatur strategi untuk memenangi pilihan raya umum akan datang walaupun dalam satu temu bual dengan *Mingguan Malaysia* sebelum ini, Timbalan Pengerusi DAP, Dr. Tan Seng Giaw meminta supaya pembangkang usah bermimpi untuk memerintah negara ini.

Tetapi di Pulau Pinang, misalnya, PKR seolah-olah yakin mampu memerintah Pulau Mutiara itu.

Ini berikutan kenyataan pemimpin PKR negeri itu baru-baru ini yang menyatakan bahawa Anwar boleh bertanding di dua kawasan iaitu Parlimen dan Dewan Undangan Negeri (DUN). Dalam erti kata lain, jika pembangkang menang, Anwarlah yang bakal dinobatkan sebagai Ketua Menteri.

Tidak keterlaluan jika dikatakan itu juga satu khayalan yang baik. Tetapi mampukah Anwar menjadi Ketua Menteri? Adakah rakan kongsinya DAP bersedia memberi laluan kepada penasihat PKR itu untuk menjadi Ketua Menteri?

Atau adakah kenyataan seperti itu untuk mengumpan pengundi-pengundi Melayu khususnya penyokong-penyokong UMNO supaya menyokong PKR pada pilihan raya umum akan datang supaya orang Melayu dipilih sebagai Ketua Menteri?

Jika ini matlamatnya, lupakanlah cita-cita itu. Sudah beberapa kali orang politik termasuk di kalangan pemimpin UMNO menyuarakan isu jawatan Ketua Menteri di kalangan orang Melayu atau setidak-tidaknya menggilirkan jawatan itu. Namun semuanya tidak berhasil. Dalam suasana politik Pulau Pinang yang ada sekarang, adalah sesuatu yang mustahil orang Melayu diangkat sebagai Ketua Menteri.

Dan bagi orang Melayu Pulau Pinang sendiri, impian itu ada tetapi mereka tentunya tidak mahu menjadi seperti "Balik Pulau Bayan Lepas, sana terpelau di sini terlepas".

- HASSAN MOHD NOOR